

- 1 Gambar 1 berikut berkaitan dengan sumber ekonomi.



Gambar 1

Pernyataan yang manakah betul?

- A Menerima ganjaran faedah
- B Mempunyai mobiliti geografi yang rendah
- C Menyelaraskan input pengeluaran bagi menghasilkan output
- D Menyumbangkan tenaga fizikal dan mental dalam proses pengeluaran

- 2 Maklumat berikut menunjukkan pilihan teknik pengeluaran Syarikat Nikko.

Teknik Pengeluaran	Keluaran (unit)	
	Kasut	Selipar
Y	120	70
Z	80	130

Berapakah kos lepas sekiranya syarikat tersebut menukar teknik pengeluaran daripada Y ke Z?

- A 40 unit kasut
- B 80 unit kasut
- C 50 unit selipar
- D 60 unit selipar


- 3 Antara berikut, yang manakah merupakan tujuan kerajaan campur tangan dalam sistem ekonomi di negara Singapura?

- I Meningkatkan motivasi pekerja
 - II Merapatkan jurang pendapatan
 - III Mengurangkan kesan eksternaliti
 - IV Menggalakkan perkembangan teknologi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 4 Pasangan yang manakah betul tentang sistem ekonomi Kapitalis?

	Masalah Asas Ekonomi	Keterangan
A	Apa yang hendak dikeluarkan	Pengeluar memastikan tiada lebih dalam pasaran
B	Berapa yang hendak dikeluarkan	Barangan yang dihasilkan dapat memenuhi kehendak pengguna
C	Bagaimana hendak dikeluarkan	Firma memastikan kos pengeluaran barangan adalah minimum
D	Untuk siapa dikeluarkan	Pembuat keputusan menggunakan mekanisme pasaran untuk menghasilkan barangan

- 5 Rajah 1 menunjukkan perubahan permintaan ayam.







Rajah 1


Mengapakah berlaku perubahan keluk D_0D_0 ke D_1D_1 ?

- A Harga ikan meningkat
- B Kerajaan menghalang eksport ayam
- C Harga dijangka turun pada masa depan
- D Firma bermatlamat memaksimumkan untung

6 Pilih pasangan yang betul tentang perubahan penawaran terhadap suatu barang.

	Penentu Penawaran	Keluk Penawaran
A	Upah pekerja meningkat	 A supply curve graph showing a rightward shift from S_0 to S_1. The vertical axis is labeled 'Harga (RM)' and the horizontal axis is labeled 'Kuantiti (Unit)'. The initial equilibrium is at (Q_0, P_0) on curve S_0. The new equilibrium is at (Q_1, P_0) on curve S_1. An arrow points from S_0 to S_1, indicating an increase in supply.
B	Matlamat pengeluar memaksimumkan keuntungan	 A supply curve graph showing a leftward shift from S_0 to S_1. The vertical axis is labeled 'Harga (RM)' and the horizontal axis is labeled 'Kuantiti (Unit)'. The initial equilibrium is at (Q_0, P_0) on curve S_0. The new equilibrium is at (Q_1, P_0) on curve S_1. An arrow points from S_0 to S_1, indicating a decrease in supply.
C	Harga dijangka menurun pada masa depan	 A supply curve graph showing a downward movement along a single supply curve S. The vertical axis is labeled 'Harga (RM)' and the horizontal axis is labeled 'Kuantiti (Unit)'. The initial equilibrium is at (Q_0, P_0) on curve S. The new equilibrium is at (Q_1, P_1) on curve S, where $P_1 < P_0$ and $Q_1 < Q_0$. A downward arrow indicates the direction of the change.
D	Firma membeli mesin baharu	 A supply curve graph showing an upward movement along a single supply curve S. The vertical axis is labeled 'Harga (RM)' and the horizontal axis is labeled 'Kuantiti (Unit)'. The initial equilibrium is at (Q_0, P_0) on curve S. The new equilibrium is at (Q_1, P_1) on curve S, where $P_1 > P_0$ and $Q_1 > Q_0$. An upward arrow indicates the direction of the change.

- 7 Rajah 2 menunjukkan keseimbangan pasaran.




Rajah 2

Antara berikut, pernyataan yang manakah betul?

- I Pada RM 3.00 harga cenderung naik
- II Pada RM 2.00 harga cenderung tidak berubah
- III Pada RM 1.00 berlaku lebih permintaan sebanyak 20 unit
- IV Pada RM 3.00 berlaku lebih penawaran sebanyak 30 unit
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 8 Rajah 3 berkaitan dengan keseimbangan pasaran kereta tempatan



Rajah 3

Situasi yang manakah menyebabkan perubahan tersebut?

- A Harga minyak petrol meningkat
- B Kadar cukai pendapatan menurun
- C Pelaksanaan dasar gaji minimum RM 1 500
- D Harga kereta dijangka meningkat pada masa depan

- 9 Jadual 1 menunjukkan harga dan kuantiti permintaan bagi suatu barang.

Harga(RM)	10	15
Kuantiti Diminta (unit)	200	150

Jadual 1

Berapakah nilai pekali keanjalan harga permintaan barang tersebut apabila harga naik dari RM10 ke RM15?

- A 0.5
- B 0.7
- C 1.0
- D 2.0

- 10 Jadual 2 menunjukkan pekali keanjalan harga penawaran bagi dua jenis barang.

Barang M	Barang N
0.4	1.7

Jadual 2


Pernyataan yang manakah betul?

- A Pekali barang M adalah anjal
- B Kereta adalah contoh bagi barang N
- C Keluk penawaran barang N adalah curam
- D Barang keperluan adalah contoh bagi barang M

- 11 Antara berikut, apakah faktor cincin emas mempunyai nilai keanjalan harga permintaan yang anjal?

- I Barang tahan lama
- II Mempunyai stok yang banyak
- III Bilangan firma dalam pasaran adalah banyak
- IV Nisbah perbelanjaan dengan pendapatan adalah besar
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 12 Rajah 4 menunjukkan subsidi yang dinikmati oleh pengguna dan pengeluar.



Rajah 4

Kawasan yang manakah merupakan subsidi yang dinikmati oleh pengguna?

- A $ABCP_0$
- B ABE_1P_1
- C $P_0E_0P_1$
- D $P_1P_0CE_1$

- 13 Maklumat berikut berkaitan dengan fungsi wang.

Azman menerima RM 500 Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) bagi fasa ke 3 tahun 2022. Beliau menggunakan wang bantuan tersebut untuk membeli barang keperluan seperti beras, minyak masak dan pakaian.

Apakah fungsi wang tersebut?

- A Alat ukuran nilai
- B Alat penyimpan nilai
- C Alat bayaran tertunda
- D Alat perantaraan pertukaran

- 14 Pernyataan manakah yang betul tentang fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada bank perdagangan?

- I Menjaga rizab berkanun
 - II Memberi nasihat pelaburan
 - III Memberi pendahuluan sementara
 - IV Merupakan sumber pinjaman terakhir
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 15 Puan Aqilah memberi arahan kepada bank untuk membayar bil elektrik kedainya pada 28hb setiap bulan.

Apakah kemudahan tersebut?

- A Draf bank
- B Debit langsung
- C Pindahan kredit
- D Perintah sedia ada

- 16 Syarikat Mekar ingin membeli sebuah mesin berharga RM 85 000 dengan berasaskan satu prinsip Perbankan Islam.

Apakah prinsip tersebut?

- A Takjiri
- B Wadiah
- C Mudharabah
- D Bai Bithaman Ajil

- 17 Maklumat berikut berkaitan sejenis pendapatan individu.

Pendapatan yang diterima tanpa memberi sumbangan dalam proses pengeluaran

Apakah contoh pendapatan tersebut?

- A Komisen
- B Bonus tahunan
- C Pencen pesara
- D Elaun pengangkutan

- 18 Maklumat berikut berkaitan dengan suatu kemahiran yang dapat mempengaruhi jumlah pendapatan individu.

K	❖ Pengurusan masa ❖ Pengurusan kewangan
----------	--

K ialah kemahiran

- A Sumber
- B Interpersonal
- C Informasional
- D Sistem dan teknologi

- 19 Jadual 3 menunjukkan belanjawan peribadi Puan Azlina bagi tempoh sebulan.

Butiran	RM
Gaji	5 000
Cukai Pendapatan	110
Sewa rumah diterima	800
KWSP	550
zakat	120
Insurans	150

Jadual 3

Berapakah jumlah pendapatan boleh guna Puan Azlina?

- A RM 4 220
 - B RM 4 879
 - C RM 5 020
 - D RM 5 140
- 20 Maklumat berikut berkaitan sejenis pelaburan.

Puan Mashitah membeli sebuah rumah pada Januari 2019 dengan harga RM 220 000 dan menyewakan rumah tersebut dengan nilai RM 900 sebulan selama 2 tahun. Kemudian beliau menjual rumah tersebut pada harga RM380 000.

Berapakah pulangan pelaburan yang diperolehi oleh Puan Mashitah?

- A RM 160 000
 - B RM 170 800
 - C RM 181 600
 - D RM 401 600
- 21 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan input berubah?
- I Contoh ialah bahan mentah
 - II Tetap wujud walaupun output sifar
 - III Wujud hanya dalam jangka masa panjang
 - IV Input yang kuantitinya berubah mengikut tingkat output
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 22 Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran.

Firma A mengeluarkan 700 helai baju sehari dengan 10 orang pekerja. Tambahan 40% orang pekerja menyebabkan pengeluaran baju bertambah kepada 900 helai baju.

Berapakah keluaran marginal bagi firma tersebut?

- A 50 unit
- B 64 unit
- C 176 unit
- D 200 unit

- 23 Antara berikut, yang manakah contoh kos tetap dalam pengeluaran jangka pendek?

- I Bil utiliti
- II Upah buruh
- III Sewa bangunan
- IV Faedah pinjaman

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 24 Dialog berikut berkaitan dengan kos pengeluaran sebuah syarikat.



Berapakah kos purata untuk pengeluaran tersebut?

- A RM0.72
- B RM0.60
- C RM0.48
- D RM0.12

- 25 Maklumat berikut menunjukkan kos pengeluaran jeruk buah.

Jenis kos	Jumlah (RM)
Upah pekerja	1 200
Kos bahan mentah	500
Bil elektrik dan air	320

Jika Pak Nazri telah menjual sebanyak 1000 kg pada harga RM5.00 per satu kg, berapakah untung yang diperolehi beliau?

- A RM 2 980
 B RM 3 800
 C RM 4 500
 D RM 4 680
- 26 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan peningkatan produktiviti sebuah firma?
 I Kelengkapan modal berfungsi baik
 II Persekitaran kerja yang kondusif
 III Lokasi kerja yang dekat rumah
 IV Prospek pekerjaan yang baik
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 27 Antara berikut, yang manakah kesan inflasi terhadap sesebuah negara?
 I Bank pusat menurunkan kadar faedah
 II Peluang pekerjaan menurun
 III Pendapatan benar merosot
 IV Nilai wang terjejas
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 28 Jadual berikut berkaitan dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Tahun	Keluaran Dalam Negeri Kasar (RM juta)
2018	1 361 533
2019	1 424 879
2020	1 493 814

(Sumber: Laporan Ekonomi Malaysia, 2018-2020)

Antara berikut, yang manakah faktor menyebabkan keadaan tersebut berlaku?

- I Peluang pekerjaan meningkat
- II Jumlah penduduk bertambah
- III Sikap keterbukaan masyarakat
- IV Taraf hidup masyarakat meningkat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 29 Padanan yang manakah betul?

	Jenis Cukai	Penerangan
A	Duti setem	Bayaran yang dikenakan berdasarkan nilai sesuatu harta apabila dokumen harta dipindahkan
B	Cukai tanah	Dikenakan atas keuntungan yang diperoleh daripada penjualan sesuatu hartanah
C	Duti eksais	Dikenakan ke atas komoditi utama yang dieksport
D	Duti import	Dikenakan majikan yang membawa masuk barang dan perkhidmatan ke dalam negara

- 30 Maklumat berikut berkaitan dengan ketidakstabilan ekonomi.

Kadar inflasi Malaysia pada bulan Ogos 2022 meningkat kepada 4.7 peratus berbanding 4.4 peratus pada Julai 2022.

(Sumber: bharian.com.my)

Apakah langkah yang perlu diambil oleh Bank Negara Malaysia untuk menyelesaikan masalah tersebut?

- A Meningkatkan kadar cukai
- B Melonggarkan syarat sewa beli
- C Menjual surat jaminan kerajaan
- D Menambahkan perbelanjaan kerajaan

- 31 Jadual berikut menunjukkan perdagangan Malaysia dengan rakan dagang utama pada tahun 2020.

Negara	Eksport (RM juta)	Import (RM juta)
China	98 983	107 317
Amerika Syarikat	66 768	46 741
Jepun	78 751	40 387
Taiwan	22 031	37 566

(Sumber: Laporan Ekonomi Malaysia, 2020/2021)

Antara berikut, yang manakah faktor menyebabkan keadaan tersebut berlaku?

- I Iklim yang berlainan
- II Perbezaan harga faktor
- III Menjamin keselamatan
- IV Persaingan yang berbeza

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 32 Antara berikut, yang manakah tujuan kerajaan mengenakan kuota terhadap barang import?

- I Memperbaiki imbalan pembayaran
- II Melindungi industri muda tempatan
- III Menambahkan pendapatan negara
- IV Menjamin keselamatan negara

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 33 Antara berikut, yang manakah mewujudkan permintaan terhadap Ringgit Malaysia?

- I Pelancong Thailand melancong ke Malaysia
- II Malaysia meningkatkan import susu dari England
- III Rakyat Malaysia melanjutkan pelajaran di London
- IV Australia mengimport minyak kelapa sawit dari Malaysia

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 34 Maklumat di bawah menunjukkan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dolar Amerika Syarikat (USD).

Unit	Mata wang	Harga belian (RM)	Harga jualan (RM)
1	Dolar Amerika (USD)	4.08	4.16

Berapakah yang perlu dibayar oleh seorang pelancong Amerika Syarikat yang ingin membeli bag tangan yang berharga RM480 di pasar raya Pulau Pinang?

- A USD 115.38
 - B USD 117.65
 - C USD 1 958.40
 - D USD 1 996.80
- 35 Apakah kesan penurunan nilai Ringgit Malaysia berbanding Dolar Amerika Syarikat?
- A Nilai import Malaysia akan berkurangan
 - B Nilai eksport Malaysia akan berkurangan
 - C Harga barang Malaysia di luar negara mahal
 - D Imbangan dagangan Malaysia menjadi defisit

Soalan 36 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan 1	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 36 I Firma menghadapi masalah kekurangan wang untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan
II Firma membuat pilihan untuk memaksimumkan keuntungan
- 37 I Hubungan antara harga sesuatu barang dengan permintaan barang pengganti adalah negatif
II Contoh barang pengganti ialah ayam dan ikan
- 38 I Produktiviti yang lebih tinggi dapat meningkatkan kecekapan
II Pengukuran produktiviti ialah nisbah input yang digunakan kepada nisbah output yang dihasilkan
- 39 I Kos sosial ialah kos kepada pihak ketiga yang tidak termasuk dalam harga pasaran
II Faedah sosial ialah faedah kepada pihak ketiga selain pengguna dan pengeluar
- 40 I Blok ekonomi ialah sekumpulan negara yang terdiri daripada beberapa buah negara menjaga kepentingan ekonomi bersama-sama
II Perjanjian perdagangan ialah persetujuan pengenaan tarif semasa menjalankan urusan niaga sesama negara